

Kenaikan gaji pengurusi, ahli lembaga pengarah FGV tak wajar

Pakar ekonomi berpendapat imbuhan mesti berdasarkan KPI, bukan dipengaruhi faktor luaran



Dato' Azamis Shukriah Aman

bibiz@NSTP.com.my

Ahli-ahli ekonomi menyatakan kesalahan terhadap kenaikan gaji dan elauan pengurusi serta ahli lembaga pengarah FGV Holdings Bhd.

Mereka berkata, pengurusi dan ahli lembaga pengarah tidak sepatutnya diberikan ganjaran ke naikan besar-besaran yuran dan elauan meskipun harga minyak sawit mentah (MSM) yang tinggi. Imbuhan yang besar itu tidak wajar apabila mengambil kira kenaikan inflasi dan kesukaran yang dihadapi oleh peneroka FELDA ketika ini, kata mereka.

Penganalisis Ekonomi Putra Business School Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Ahmed Razman Abdul Latif, berkata harga minyak sawit yang tinggi ketika ini bukan disebabkan oleh usaha pengurusi dan ahli lembaga pengarah.

"FGV mencatatkan keuntungan besar baru-baru ini bukan disebabkan oleh pencapaian luar biasa ahli lembaga pengarah, sebaliknya disebabkan oleh faktor luaran. Ahli lembaga pengarah yang sama ada di situ semasa FGV mengalami kerugian dan keuntungan besar diraih baru-baru ini mungkin bersifat semestara kerana harga MSM mula mencatatkan penurunan," kata nya kepada *New Straits Times* (NST).

"Adakan mereka akan mengurangkan tribuhan dan manfaat tahun depan apabila harga MSM menjadi lebih rendah?" persoal Ahmed Razman.

Beliau berkata, walaupun ia dibenarkan secara sah apabila majoriti pemegang saham FGV meluluskannya, imbuhan itu mungkin tidak mengambil kira kesejeraan pihak berkepentingan lain seperti pemegang saham minoriti, kakitangan dan peneroka selain sentimen orang ramai.

"Apabila dibandingkan dengan

syarikat perladaan lain disenaraikan di Bursa Malaysia, imbuhan dan manfaat itu adalah lebih tinggi berbanding pesaing, walaupun permodalan pasaran FGV lebih rendah," katanya.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Pemantau Pemegang Saham Minoriti (MSWG), Devan Evanson, berkata imbuhan ahli lembaga pengarah mestil berpatutnya diberikan kepada petunjuk presasi utama (KPI).

Beliau berkata, permodalan pasaran syarikat yang setaraf tidak sepatutnya digunakan sebagai kayu ukur untuk memberikan justifikasi terhadap kenaikan imbuhan.

"Permodalan pasaran amat tidak berkait dengan prestasi. Begitu juga, imbuhan tidak sepertinya berdasarkan keuntungan syarikat. Ini kerana, keuntungan mungkin dihasilkan oleh faktor luar yang tidak dikawal oleh lembaga pengarah," katanya.

Beliau berkata, kenaikan harga MSM mungkin menghasilkan keuntungan, namun ia bukan di bawah kawalan syarikat.

Sehubungan itu, katanya lembaga pengarah tidak sepatutnya menggunakan ia sebagai asas untuk menaikkan imbuhan.

"Serupa juga, lembaga pengarah tidak sepatutnya dihukum

apabila harga MSM jatuh, menyebabkan kerugian kepada syarikat. Sebaliknya, imbuhan lembaga pengarah perlu sejahter dengan KPI yang berada dalam kawalan mereka.

"Mereka sepatutnya nilai kecekapan sendiri berbanding syarikat lain dalam sektor sama. Ini adalah pengukur yang sepatutnya digunakan untuk meningkatkan justifikasi menaikkan imbuhan," katanya.

Profesor Bersekutu Universiti Malaya (UM), Dr Awang Azman Awang Pawi, berkata kenaikan besar itu tidak wajar apabila inflasi sedang dirasai rakyat dan peneroka FELDA khususnya antara patting terjejas.

"FGV dilihat tidak sensitif dengan masalah rakyat. Resolusi ini tidak wajar ketika kerajaan mahu langkah perbelanjaan bersama. Pengurusi FELDA adalah seorang ahli politik belau separuhnya lebih sensitif dan mengelak kemarahan rakyat yang akan menyebabkan reputasi buruk untuk UMNO, pada ketika parti itu baru sahaja pulih," kata Awang Azman.

Pemegang saham FGV meluluskan 13 resolusi pada mesyuarat agung tahunan (AGM) minggu lalu, dengan antara lain menaikkan yuran tahunan per-

negeri bukan eksekutif kepada RM480,000 daripada RM300,000 sebelumnya.

Pengurusi juga akan meningkat sebanyak RM15,000 sebagai sebahagian struktur yuran baharu yang berkuasa pada 24 Jun.

Pada masa sama, tujuh perusahaan yuran bulanan RM40,000, RM12,500 sehingga AGM akan datang, peningkatan sebanyak RM2,500.

FGV kelmarin menjelaskan bahawa ia pada awal tahun ini melantik satu perunding bebas untuk membuat semakan semula untuk merancang aras imbuhan lembaga pengarah.

Lembaga pengarah dinasihatkan oleh perunding itu supaya elauan kereta pengurusi bukan eksekutif, Datuk Dzulkifli Abd Wahab digantikan dengan kereta syarikat.

Katanya ia tidak mencerminkan norma pasaran dan sektor elauan kereta pengurusi bukan eksekutif, Datuk Dzulkifli Abd Wahab digantikan dengan kereta syarikat dalam bentuk elauan.

Pengurusi bukan eksekutif pada masa ini menerima wang tunai, yuran pengarah sebanyak RM300,000 setahun atau RM25,000 sebulan dan elauan kereta berjumlah RM180,000 setahun atau RM15,000 sebulan.

"Berdasarkan nasihat itu, lembaga pengarah FGV mencadangkan untuk menyediakan kereta syarikat kepada pengurusi bukan eksekutif dan mengelakkkan jumlah tunai yang diberikan kepada danya sebelum mengambil kira kenaikan elauan kereta sebanyak RM180,000 kepada pengurusi," katanya.

"Oleh itu, tiada peningkatan dalam jumlah tunai yang diterima oleh pengurusi bukan eksekutif," ka-

FGV mencatatkan keuntungan besar baru-baru ini bukan disebabkan oleh pencapaian luar biasa ahli lembaga pengarah, sebaliknya disebabkan oleh faktor luaran. Ahli lembaga pengarah yang sama ada di situ semasa FGV mengalami kerugian dan keuntungan besar diraih baru-baru ini mungkin bersifat semestara kerana harga MSM mula mencatatkan penurunan," kata Dr. Ahmad Razman Abdul Latif, Penganalisis Ekonomi Putra Business School Universiti Putra Malaysia.